

**TEKS UCAPAN ALUAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**MAJLIS PENYERAHAN RASMI LAMAN WEB PERSATUAN POLIS
BANTUAN MALAYSIA (APA)
3 April 2017 (ISNIN), 2.30 PETANG
Bilik Seminar FTMK**

Terima kasih Saudara/i Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berbahagia Tuan Baharudin bin Othman

Presiden Persatuan Polis Bantuan Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri Dan Masyarakat)

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti).

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab Ghani,

Pengerusi Majlis Profesor UTeM

Yang Berusaha Tuan Ruzman bin Mahmud

Setiausaha Kehormat Persatuan Polis Bantuan Malaysia.

Yang Berusaha Tuan Mazni bin Ahmad

Bendahari Persatuan Polis Bantuan Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Burairah bin Husin

Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

SUPB Tuan Affindi bin Abu Bakar

Pengarah Pejabat Keselamatan UTeM

Pegawai-pegawai Kanan Universiti, Wakil-wakil Agensi Polis

Bantuan Malaysia, Hadirin dan Hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Allah SWT, di atas rahmat dan nikmat serta izinNya jua kita dapat sama-sama berhimpun sempena majlis Penyerahan Laman Web Persatuan Polis Bantuan Malaysia (APA) dan Majlis Menandatangani Surat Niat (*Letter of Intent*) di antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Persatuan Polis Bantuan Malaysia pada hari ini.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tuan Baharudin bin Othman, Presiden Persatuan Polis Bantuan Malaysia yang dapat bersama dalam majlis pada petang yang indah ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

3. Hasrat untuk menjalinkan kerjasama murni tercipta hasil daripada perbincangan awal yang diadakan di antara Pejabat Keselamatan UTeM bersama Persatuan Polis Bantuan Malaysia menerusi beberapa siri perbincangan dan persetujuan bersama. Atas nilai keserakanan dan kesepunyaan yang juga menjadi amalan warga UTeM, pihak Pejabat Keselamatan telah memanjangkan hasrat kerjasama ini kepada pihak Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(FTMK) yang mempunyai ramai pakar dalam bidang Teknologi Maklumat.

4. Perbincangan berkenaan kerjasama ini telah dimulakan sejak dari tahun 2015 di mana beberapa mesyuarat dan aktiviti susulan telah dilaksanakan bagi membangunkan laman sesawang Persatuan Polis Bantuan Malaysia. Alhamdulillah, laman sesawang tersebut telahpun dilancarkan dengan jayanya pada 10 Disember 2015 bersempena Persidangan Tahunan Polis Bantuan Malaysia ke-27 di Hotel Hatten, Melaka.
5. Rentetan daripada pelancaran laman sesawang tersebut, empat bengkel susulan bagi tujuan penambahbaikan telah dijalankan sehingga ke hari ini. Bengkel Pemantapan Laman Sesawang dan Bengkel Pengumpulan Keperluan Sistem

Maklumat APA telah diadakan pada 29 Januari dan 19 Februari 2016.

6. Manakala dua sesi latihan juga telah dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan dan bimbingan mengendalikan laman sesawang tersebut. Sesi latihan siri yang pertama hanya melibatkan pentadbir laman sesawang telah diadakan pada 3 dan 4 November 2016. Manakala sesi latihan kedua yang telah dijalankan pada sebelah pagi tadi, telah berjaya mengumpulkan sejumlah 60 agensi polis bantuan yang telah mendaftar sebagai ahli Persatuan Polis Bantuan Malaysia.
7. Pihak UTeM merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak APA, khususnya kepada Tuan Ruzman bin Mahmud, Tuan Mohd Azmin bin Mohd Zain dan Tuan Wan Shamshol bin Husin di atas komitmen tinggi dan kerjasama yang tidak

pernah berbelah bahagi dalam menjayakan bengkel-bengkel yang dianjurkan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Persatuan Polis Bantuan Malaysia merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang mempunyai misi untuk mewujudkan platform yang berkesan dan profesional bagi mempertingkatkan hubungan dua hala di antara agensi-agensi Polis Bantuan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
9. Saya berharap melalui ukhwah yang terjalin indah ini akan menghasilkan lebih banyak program perundingan dan latihan serta kerjasama akademik mahupun penyelidikan yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Sebagai makluman, selain pembangunan laman sesawang, terdapat dua program lain yang masih lagi di dalam perancangan untuk dilaksanakan di dalam masa terdekat ini iaitu

penyenggaraan laman sesawang Persatuan Polis Bantuan Malaysia dan pembangunan Sistem Maklumat Polis Bantuan.

10. Diharapkan melalui kerjasama ini, UTeM dapat memberikan sumbangan secara terus kepada komuniti dan industri melalui penterjemahan penyelidikan yang berfokus dan relevan. UTeM juga amat mengalu-alukan lebih banyak kolaborasi dengan pihak agensi, komuniti dan industri bagi berkongsi kepakaran yang dimiliki untuk kesejahteraan bersama, selain dapat memartabatkan ilmu yang dimiliki.
11. Diharapkan, dengan kehadiran UTeM sebagai sebuah institusi intelektual dapat memberi impak yang terbaik kepada industri, agensi-agens kerajaan dan komuniti seiring dengan konsep yang diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi pendekatan quadraple helix.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pembangunan laman sesawang ini dan tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Polis Bantuan Malaysia yang sudi bekerjasama dengan pihak UTeM.

Penat berjalan menuju ke pekan,
Berehat sebentar di atas jati,
Terima kasih tuan-tuan dan puan-puan,
Di atas kerjasama sepenuh hati.

13. Saya mendoakan agar majlis pada petang ini dirahmati Allah SWT dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya jua dan kita semua tegolong dalam kalangan mereka yang beriman.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum wbkth.